



29 JAN, 2026

Madrasah Baqiyathus Salihath nafi ceroboh rizab TNB

Sinar Harian, Malaysia



Madrasah Baqiyathus Salihath nafi ceroboh rizab TNB



Tular dakwaan yang mempertikaikan Madrasah Baqiyathus Salihath didirikan di atas rizab TNB.

AMPANG - Pengurusan Madrasah Baqiyathus Salihath, Kampung Tasek Permai menafikan dakwaan bahawa institusi itu dibina di atas rizab talian penghantaran milik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pengerusinya, Rahmthullah Kadar Basha berkata, pembinaan madrasah itu dilakukan dengan pengetahuan dan kelulusan pihak berkuasa sejak lebih 30 tahun lalu.

Menurutnya, madrasah itu sebelum ini bermula sebagai surau dan madrasah pondok beroperasi sejak 1987 sebelum bangunan dua tingkat pada awal 1990-an berikutan pertambahan jemaah serta pelajar.

"Sejak awal penubuhan, pihak madrasah sentiasa buat permohonan kepada kerajaan negeri berhubung status tanah dan dimaklumkan penggunaan adalah dibenarkan ketika itu.

"Kita bukan buat (bina madrasah) ini secara haram kerana sejak awal lagi kita mohon tanah dan dimaklumkan boleh guna tanpa masalah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Rahmthullah menjelaskan, madrasah itu juga berdaftar setiap tahun di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Beliau memberitahu, tanah berkenaan diserahkan kerajaan negeri kepada TNB pada 2003 bagi projek utiliti dan hasil perbincangan melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), masjid serta TNB, satu perjanjian aku janji dikeluarkan yang membenarkan madrasah terus beroperasi dengan syarat tertentu.

"Pihak TNB benarkan kami kekal di sini dengan syarat tidak menambah binaan kekal, malah kami patuh sepenuhnya dan tak pernah bergaduh atau melanggar arahan," jelas beliau.

Ujar beliau, pihak madrasah juga baru-baru ini membelanjakan lebih RM200,000 bagi kerja pengubahsuaian termasuk menukar bumbung zink kepada bahan gentian selaras dengan kehendak keselamatan TNB.

Mengulas dakwaan tular yang mengaitkan madrasah itu dengan isu pencerobohan tanah, Rahmthullah menegaskan tuduhan itu tidak benar.

"Kita sudah buat laporan di IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) Ampang malam tadi untuk keselamatan dakwaan fitnah, bukan untuk besarkan isu," tegasnya.